



LEMBAGA PELABUHAN JOHOR JAWATAN KOSONG

Lembaga Pelabuan Johor dengan ini mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan seperti berikut :

PEGAWAI AUDIT DALAM, GRED PP4

Lantikan	Kontrak						
Kumpulan Perkhidmatan	Pengurusan dan Profesional						
Gaji (SGMM)	Minimum: RM3,205.00						
Elaun	<table><tr><td>Keraian</td><td>: RM600.00</td></tr><tr><td>ITP</td><td>: RM500.00</td></tr><tr><td>Saraan (COLA)</td><td>: RM300.00</td></tr></table>	Keraian	: RM600.00	ITP	: RM500.00	Saraan (COLA)	: RM300.00
Keraian	: RM600.00						
ITP	: RM500.00						
Saraan (COLA)	: RM300.00						
Penempatan	Unit Audit Dalam						

1. SYARAT PERMOHONAN :

Calon hendaklah memenuhi kelayakan berikut :-

- Warganegara Malaysia; dan
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- Bebas daripada sebarang rekod jenayah, penyalahgunaan dadah, tuduhan rasuah (SPRM), keberhutangan serius, status muflis dan tindakan tatatertib; dan
- Mahir dalam pertuturan dan penulisan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik; dan
- Perakuan pemeriksaan kesihatan melalui laporan perubatan dari klinik/hospital oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

2. SYARAT LANTIKAN / KELAYAKAN MINIMA :

- (a) Memiliki Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam bidang Perakaunan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (b) Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (c) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam audit dalaman/ luaran atau pengurusan risiko adalah satu kelebihan.

3. RINGKASAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

- 3.1 Membantu menyediakan Perancangan Audit Tahunan berasaskan risiko dan mengenal pasti bidang utama serta aspek kawalan/ tadbir urus.
- 3.2 Melaksana pengauditan pelbagai, menganalisis maklumat bagi menyokong penemuan audit dalam penyediaan laporan audit.
- 3.3 Menyediakan laporan audit dan mencadangkan langkah penambahbaikan bagi meningkatkan kecekapan dan pematuhan organisasi
- 3.4 Memantau pelaksanaan tindakan pembetulan oleh bahagian/unit yang berkaitan dan kemajuan tindakan susulan.
- 3.5 Pematuhan piawaian profesional dalam pelaksanaan audit yang menyokong prinsip tatakelola/ tadbir urus yang baik selaras dengan peraturan/ polisi yang berkuat kuasa.

4. CARA MEMOHON :

- 4.1 Borang permohonan boleh dimuat turun dari laman web Lembaga Pelabuhan Johor (<https://www.lpj.gov.my>).
- 4.2 Borang permohonan yang lengkap perlu di sertakan bersama-sama dokumen berikut:

- (i) Resume dengan *Curriculum Vitae* (CV) yang mempunyai;
 - a) Maklumat peribadi,
 - b) Kelayakan akademik/ kompetensi (sertakan bersama sijil berkaitan dan sijil SPM)
 - c) Pengalaman kerja
 - d) Jangkaan gaji
 - e) Sekeping gambar terbaharu berukuran pasport; dan
- (ii) Salinan Sijil Kelahiran & Salinan Kad Pengenalan; dan
- (iii) Semua salinan sijil-sijil yang disertakan perlu disahkan oleh pegawai kerajaan kumpulan Pengurusan & Profesional yang berkelayakan ; dan
- (iv) Laporan Pemeriksaan Kesihatan terkini.

4.3 Borang permohonan dan dokumen yang lengkap sahaja akan diproses. Borang yang lengkap diisi dan dokumen berkaitan dengan permohonan hendaklah **dimasukkan ke dalam sampul surat dan ditulis tujuan permohonan, dihantar tangan atau diposkan berdaftar** kepada :

**PENGURUS BESAR
LEMBAGA PELABUHAN JOHOR
JALAN MAWAR MERAH 2,
PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG 2,
81700 PASIR GUDANG, JOHOR DARUL TA'ZIM
(U.P. : UNIT PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA)
TEL: 07-2534000**

**TUJUAN PERMOHONAN : PERMOHONAN JAWATAN PEGAWAI AUDIT
DALAM, GRED PP4**

MAKLUMAT TEMU DUGA :

Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga. Calon yang di senarai pendek untuk menghadiri temu duga dikehendaki mendapatkan surat pengiktirafan MQA kelayakan melalui : <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>

Calon yang tidak dihubungi dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh temu duga, adalah dianggap tidak berjaya.

Tarikh Tutup Permohonan : 22 September 2025 (Isnin), jam 5.00 petang.